

NOVEL

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Jalan ke Puncak* oleh Juri Durabi
- (ii) *Meniti Impian* oleh Osman Ayop
- (iii) *Jejak MONPUS* oleh Zulaiha Paikon
- (iv) *Darah Titik di Semantan* oleh Arman Sani

Praktis 1

Nilai-nilai positif yang dimiliki oleh watak utama dalam sesebuah novel dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan **tiga nilai yang dimiliki oleh watak utama** yang telah ditetapkan bagi novel tersebut. Jawapan anda perlu disokong dengan contoh peristiwa yang sesuai.
[10 markah]

Watak utama: Laiman

Laiman gigih berusaha mengejar cita-citanya untuk menjadi seorang usahawan tani walaupun berkelulusan ijazah kejuruteraan	
Laiman telah menunjukkan nilai bertanggungjawab yang tinggi dengan turut membantu anak-anak muda yang lain dengan membuka peluang pekerjaan dan mengubah mentaliti mereka.	
Laiman begitu berani mengambil risiko dengan enggan bekerja makan gaji sebaliknya ingin menjadi seorang usahawan sendiri yang banyak cabaran walaupun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan	

Pilih dan padankan nilai di bawah dengan huraian yang betul dalam ruangan di atas.

Nilai Keberanian

Nilai Kegigihan

Nilai Bertanggungjawab

NOVEL

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Jalan ke Puncak* oleh Juri Durabi
- (ii) *Meniti Impian* oleh Osman Ayop
- (iii) *Jejak MONPUS* oleh Zulaiha Paikon
- (iv) *Darah Titik di Semantan* oleh Arman Sani

Praktis 1

Pilih **tiga** daripada **nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel yang telah anda kaji. Berikan satu contoh bagi setiap nilai tersebut

Nilai kasih sayang

Nilai baik hati

Nilai Pengorbanan

Nilai Keinsafan

Nilai Keberanian

Nilai ketabahan

Nilai kerjasama

[10 markah]

Nenek Laiman sayang akan Laiman dan sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan Laiman mendapat pendidikan tinggi	
Laiman bekerjasama dengan Milan untuk menjalankan pelbagai projek hingga projek ternakan ikan air tawar mereka berjaya menjadi projek contoh di daerah mereka.	
Pak Sahok insaf atas kesalahannya dan membenarkan Laiman menggunakan tanah paya di sebelah tanahnya untuk dijadikan kawasan projek ternakan ikan air tawar.	

Pilih dan padankan nilai di bawah dengan huraian yang betul dalam ruangan di atas.

Nilai keinsafan

Nilai kasih sayang

Nilai kerjasama